

Berkorban demi pengguna

Peniaga ikan akui terbeban untuk kekalkan harga rendah namun tiada pilihan

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

Harga ikan dan barangan runcit di beberapa lokasi sekitar daerah ini termasuk di Pasar Bandar Marang terkawal dan tidak banyak berubah berbanding dua bulan lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati, tiada kenaikan harga melambung malah harga bagi sumber protein utama masih stabil walaupun tengkujuh melanda Terengganu ketika ini dengan kenaikan hanya sekitar RM1 hingga RM2 bagi ikan terpilih sekali gus merekodkan harga ikan lebih stabil berbanding

tengkujuh tahun lalu.

Tinjauan juga mendapati harga ikan aya masih dijual pada harga RM10 hingga RM12 sekilogram (kg) sama seperti sebelum tengkujuh melanda.

Ikan kembung dijual pada harga RM18 hingga RM20 sekilogram; selar RM10 hingga RM12 sekilogram; selayang RM10 sekilogram dan hanya harga sotong A meningkat iaitu RM30 sekilogram kerana kekurangan bekalan.

Bagi peniaga ikan, mereka mengakui terbeban untuk mengekalkan harga rendah namun tiada pilihan bagi memastikan ikan tidak rosak dan paling utama tidak membahayakan pengguna.

Salah seorang peniaga ikan di Pasar Bandar Marang, Hanafi Ibrahim, 35, berkata, harga ikan ketika ini merekodkan keadaan yang stabil berbanding musim tengkujuh yang lalu.

"Jika peniaga mengambil ikan dari pembekal dan bukan nelayan, harga mungkin lebih tinggi sedikit berbanding jika peniaga mendapat



Harga ikan ketika ini stabil berbanding musim tengkujuh lalu.

kan bekalan sumber protein itu terus dari nelayan.

"Kebanyakan peniaga ikan di pasar ini mendapatkan bekalan ikan terus daripada nelayan, walaupun sudah agak mahal, kami masih tetap mengambil kira kemampuan pengguna," katanya, semalam.

Hanafi berkata, peniaga meraih keuntungan kecil kerana harga ikan agak tinggi berbanding sebelum

tengkujuh melanda tambahan nelayan turut menghadkan aktiviti mereka kerana laut bergelora.

Perkara itu diakui seorang pemborong, Mamat Awang, 62, yang menyifatkan kenaikan harga ikan didorong kekurangan bekalan dan pada masa sama, permintaan semasa juga sangat tinggi.

Menurutnya, walaupun nelayan menjual ikan diperoleh pada harga

lebih tinggi daripada hari biasa, pemborong tetap mendapat untung sedikit dan ia lebih baik daripada tiada langsung.

"Susah dapatikan sekarang, bukan hanya peniaga tetapi pemborong lain pun tertekan juga untuk cari makan sebab harga ikan terlalu tinggi tetapi kalau kita jual mahal, ikan tak laku.

"Ne...yan di sini tidak ramai turun ke laut atas beberapa faktor antaranya mengambil kira kos bahan api selain risiko keselamatan berhadapan cuaca tidak menentu," katanya.

Dalam pada itu, harga barangan runcit seperti telur, bawang besar dan bawang putih juga tidak banyak berubah.

Telur gred A dijual pada harga RM3.65 hingga RM4.10 untuk 10 biji; gred B (RM3.45 hingga RM4); dan gred C, RM3.45 hingga RM3.90 untuk 10 biji.

Bawang besar import dijual pada harga RM6 hingga RM7 sekilogram, manakala bawang putih RM8 hingga RM13 sekilogram.